

**PERANAN MASA BEKERJA TERHADAP PENGURUSAN KERJA
DAN KEHIDUPAN DALAM KALANGAN COPRENEURSHIP
DI SABAH**

*THE ROLE OF WORKING TIME ON THE MANAGEMENT OF WORK
AND LIFE AMONG THE COPRENEURSHIP COMMUNITY
IN SABAH*

KAMSIAH MABALOH¹

DZURIZAH IBRAHIM^{2*}

^{1&2}Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

kamsiahmabaloh@yahoo.com¹, idzuri@ums.edu.my^{2}*

Tarikh dihantar: 28 April 2018 / Tarikh diterima: 17 Ogos 2018

ABSTRAK Perniagaan keluarga melibatkan *copreneurship*, iaitu pasangan suami dan isteri yang mengusahakan sebuah perniagaan bersama-sama. Lazimnya, perniagaan *copreneurs* ini bermatlamat untuk mengharmonikan tuntutan pekerjaan dan perihal rumah tangga mereka sekali gus. Elemen masa bekerja dilihat amat penting bagi pasangan *copreneurs* untuk melaksanakan kedua domain kerja dan kehidupan agar berupaya meminimumkan konflik kerja dan kehidupan dengan adanya masa bekerja sendiri berbanding bekerja dengan orang lain. Namun demikian, sejauh mana peranan masa bekerja *copreneur* mempengaruhi isu kerja dan kehidupan berlaku di Pulau Mabul masih menjadi persoalan. Hal ini demikian kerana kajian lepas mendapati bahawa lelaki *copreneurs* lebih mendominasi masa bekerja lebih lama berbanding wanita. Peranan masa bekerja yang lama memberi limpahan kerja dan kehidupan negatif terhadap lelaki *copreneurs*. Rentetan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan masa bekerja yang mempengaruhi isu kerja dan kehidupan terhadap lelaki dan wanita *copreneurs* dan pola pelaksanaan kerja dan kehidupan *copreneurs* di Pulau Mabul, Sabah. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan temu bual secara mendalam ke atas 14 orang *copreneurs*. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa peranan masa bekerja terhadap kedua domain berkenaan lebih menumpukan terhadap golongan wanita *copreneurs*. Hal ini disebabkan wanita *copreneurs* berada lebih lama di tempat kerja dan bekerja di rumah bersifat sederhana dan berasaskan perniagaan daripada rumah. Dapatkan kajian ini menemukan *copreneurs* mempunyai masa bekerja yang fleksibel meskipun menjalankan perniagaan mereka secara sepenuh masa bagi membantu meringankan bebanan kedua domain berkenaan. Secara tidak langsung, komuniti *copreneurs* di Pulau

Mabul menemukan pola kerja dan kehidupan yang bersifat integrasi kerja dan kehidupan mereka meskipun berhadapan dengan konflik dalaman. Sumbangan kajian ini membuka disiplin ilmu terhadap isu kerja dan kehidupan yang turut sama dialami oleh golongan *copreneurship* meskipun berada di luar bandar.

Kata kunci: Masa bekerja, *copreneurship*, pengurusan kerja dan kehidupan.

ABSTRACT *Copreneurship refers to a family business where the husband and wife work on a business together. Normally, the copreneurs business aims to harmonize their job demands and their household matters at the same time. Working time elements are perceived as crucial for copreneurs couples to carry out both work and life domains in order to minimize work and life conflicts with their own working time rather than working with the other people. Nonetheless, how far the role of copreneurs' working time affects the work and life issue is Mabul Island remains unanswerable. This is because last studies have found that copreneurs men dominate working hours longer than women. The role of long working hours contributed to the over workflow and negative lives of the men copreneurs. Therefore, this study aims to identify the role of working time that affect the work and life issues of both men and women copreneurs as well as the pattern of their work and life in Mabul Island, Sabah. This study adopts qualitative methods where researcher carried out in-depth interviews on 14 copreneurs. The findings show that the role of working time on both domains is more focused on women copreneurs. This is because women copreneurs are available for a longer time at the workplace and work at home moderately with home-based business. The research findings discovered that copreneurs have flexible working hours despite their full-time business that helped to ease the burden of the two domains. Indirectly, the copreneurs community in Mabul Island have found work and life patterns that are integral to their work and life despite facing internal conflicts. The contribution of this study serves as an eye-opener to the discipline on the work and life issues that are shared by the copreneurship even in rural areas.*

Keywords: *Working hours, copreneurship, work and life management.*

PENGENALAN

Trend pekerjaan yang semakin mencabar pada masa kini dalam sektor formal dan informal secara tidak langsung telah mempengaruhi keharmonian hubungan pekerjaan lebih-lebih lagi terhadap perniagaan keluarga membabitkan golongan *copreneurship* yang mempunyai jalinan antara hubungan perniagaan dan hubungan kekeluargaan yang saling bertindan. Istilah *copreneurship* merupakan perniagaan pasangan suami dan isteri yang berkongsi matlamat perniagaan bersama (Barnett & Barnett, 1989). Aktor bagi perniagaan *copreneurship* ini bertindak sebagai pelaku ibu bapa di rumah dan rakan kongsi di premis perniagaan mereka. Bermakna, hubungan pekerjaan *copreneurship* ini memerlukan masa yang berkualiti bagi setiap lelaki dan wanita *copreneurs* sebagai pasangan berkahwin dan rakan sekerja untuk melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab antara domain kerja dan kehidupan mereka. Senario ini memperlihatkan aturan masa bekerja sendiri memberi peluang bagi *copreneurs* untuk mendapatkan masa yang berkualiti terhadap anak-anak dan keluarga mereka.

Lazimnya, *copreneurship* menjalin hubungan pekerjaan dan hubungan peribadi yang saling bertindan serta berusaha untuk mencapai keharmonian kerja dan kehidupan. Hal ini disebabkan, salah satu tujuan *copreneurship* adalah untuk mencari keseimbangan antara tanggungjawab kerjaya dan kehidupan. Perkara ini dibuktikan oleh Marshall (1995), Stroh *et al.* (1996) dan Greenhaus *et al.* (1997) bahawa terdapat organisasi yang mengamalkan persekitaran mesra keluarga namun ramai pekerja dalam kalangan ahli korporat tidak berpuas hati dengan kehidupan mereka lantas mencari keseimbangan antara tanggungjawab kerjaya dan kehidupan mereka. Akibat desakan ekonomi dan sosial, maka berlaku peningkatan bilangan pasangan suami dan isteri yang menjalankan perniagaan bersama, malah semakin berkembang dari tahun ke tahun (Grandfield, 1993; Bodnar, 1998).

Jika diamati perkara sebaliknya, golongan *copreneurship* hakikatnya mengalami konflik kerja dan kehidupan akibat kesukaran untuk mengurus batasan antara perihal kerjaya dan keluarga (Goode, 1960; Marshack, 1994; Karofsky *et al.*, 2001; Smyrnios *et al.*, 2003; Greenhaus & Allen, 2010; Allen, 2013). Lazimnya, perniagaan keluarga berhadapan dengan kekeliruan kepelbagaiannya peranan antara kerja dan kehidupan (Fitzgerald & Muske, 2002; Beehr *et al.*, 1997) cenderung berhadapan konflik dan tekanan emosi.

Meskipun fenomena pengurusan kerja dan kehidupan yang dialami oleh golongan *copreneurship* bertujuan mencari keseimbangan kerja dan kehidupan, mereka tidak terlepas berdepan dengan konflik kerja dan kehidupan. Hal ini dapat dilihat melalui peranan masa bekerja lelaki dan wanita *copreneurs* berbeza dalam hal ehwal mengurus perniagaan dan rumah tangga yang boleh mempengaruhi kualiti pengurusan kerja dan kehidupan mereka.

Berdasarkan kajian lepas, Tompson *et al.* (2000) menunjukkan bahawa lelaki bekerja 60 jam lebih lama berbanding dengan isteri, iaitu selama 49 jam masa bekerja mereka. Menerusi kajian Smith (2000) mendapati bahawa lelaki *copreneur* bertanggungjawab dalam membuat keputusan perniagaan dan lebih banyak menggunakan masa mereka terhadap pekerjaan mereka. Lewis *et al.* (2003) menyatakan bahawa individu yang menerima jumlah jam kerja yang panjang menyumbang kepada konflik kerja dan kehidupan. Hal ini dapat dilihat bahawa lelaki mendominasi peranan masa bekerja dalam perniagaan berbanding wanita *copreneur*. Secara tidak langsung, perkara ini mendorong wanita *copreneurs* ingin turut sama melibatkan diri dalam pekerjaan mereka. Lelaki *copreneur* juga turut berhadapan konflik kerja dan kehidupan apabila mereka mempunyai masa yang terhad bersama anak-anak dan keluarga serta mengalami masalah kesihatan akibat daripada tuntutan pekerjaan mereka. Secara tidak langsung, berlaku perbezaan peranan masa bekerja antara lelaki dan wanita *copreneur* yang tidak mencapai kesepakatan lalu mengundang konflik kerja dan keluarga. Jurang kajian ini juga dilihat apabila isu kerja dan kehidupan masih terhad dalam perniagaan keluarga terutama *copreneurs* (Ahmad *et al.*, 2015). Oleh hal yang demikian, persoalan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana peranan masa bekerja antara lelaki dan wanita *copreneurs* berlaku dalam konteks di Pulau Mabul, Sabah? Bukan itu sahaja, kajian ini turut melihat fenomena isu kerja dan kehidupan dalam kalangan *copreneurship* yang berlaku di luar bandar yang menjadi persoalan kajian ini.

Sorotan Literatur

Latar Belakang *Copreneurship*

Copreneurship berasal daripada gabungan dua perkataan bahasa Inggeris iaitu *couple* dan *entrepreneurship* (Barnett & Barnett, 1989). Malah, ia turut dikenali sebagai *entrepreneurial couple*, iaitu ‘pasangan usahawan’

atau ‘usahaawan yang berpasangan’ (Ahmad *et al.*, 2015). Tergolong dalam jenis perniagaan keluarga (Rutherford, Muse & Oswad, 2006) golongan *copreneurship* ini berkongsi komitmen, matlamat dan tanggungjawab dalam mengendalikan perniagaan bersama-sama (Barnett & Barnett, 1989). Realitinya, walaupun jenis perniagaan *copreneurship* telah mendapat perhatian luas para pengkaji Barat seperti di Amerika Syarikat dan Kanada, kajian tentang isu dan perkembangannya masih terbatas (Fitzgerald & Muske, 2002; 2006) malah kurang dibincangkan di rantau Asia khususnya Malaysia (Ahmad *et al.*, 2015).

Kategori Kerja dan Kehidupan

Terdapat dua bentuk kategori kerja dan kehidupan dalam kajian ini iaitu integrasi kerja dan kehidupan dan konflik kerja dan kehidupan. Integrasi kerja-kehidupan merupakan satu proses untuk mewujudkan hubungan yang harmoni di antara kerja, keluarga dan pengurusan diri (Grady & McCarthy, 2008). Blundson *et al.* (2006) menjelaskan integrasi kerja dan kehidupan wujud apabila individu berupaya untuk membahagi atau mengintegrasikan antara domain kerja dan kehidupan untuk mencapai kualiti kehidupan dengan mengurangkan konflik. Hal ini disebabkan, domain kerja mengehadkan keupayaan individu untuk berhadapan dengan tanggungjawab di rumah, manakala domain kehidupan pula mengehadkan keupayaan individu untuk melaksanakan tanggungjawab di tempat kerja (Blyton *et al.*, 2006). Rentetan itu, integrasi antara kedua domain diperlukan bagi mengelakkan konflik antara kedua domain berkenaan (Dzurizah Ibrahim, 2015a). Berbeza dengan konsep integrasi kerja-kehidupan, konflik kerja-kehidupan membawa makna yang sebaliknya. Menurut Allen *et al.* (2000), konflik kerja dan kehidupan berlaku apabila tanggungjawab kerja dan keluarga saling bertindih sehingga pelaksanaan peranan yang lain sukar dilaksana. Justeru, hal ini boleh mengundang impak negatif terhadap keharmonian hubungan pekerjaan, perihal rumah tangga, keluarga dan prestasi produktiviti di tempat kerja (Helmle, 2014). Oleh hal yang demikian, kajian ini mengenal pasti pola pengurusan kerja dan kehidupan yang dialami oleh *copreneurs* dengan memfokuskan peranan masa bekerja yang mempengaruhi isu kerja dan kehidupan.

Masa Bekerja Lelaki dan Wanita *Copreneurs*

Masa bekerja adalah waktu bekerja yang telah ditetapkan oleh pihak organisasi kepada pekerja yang bekerja dalam sesebuah organisasi (Mike & Noon, 2007) dan merupakan salah satu faktor yang dikaitkan dengan isu kerja dan kehidupan (Blyton *et al.*, 2006; Dzurizah Ibrahim, 2015a). Lazimnya, perniagaan keluarga khususnya golongan *copreneurship* yang bersifat bekerja sendiri, sudah pasti masa bekerja adalah mengikut aturan dan gaya pengurusan mereka yang tersendiri. Kajian lepas mendapati bahawa lelaki *copreneurs* dominan meluangkan masa di tempat kerja (Smith, 2000, Millman & Martin, 2007; Blenkinsopp & Owens, 2010). Hal ini disebabkan mereka lebih banyak menggunakan masa untuk mengurus dan mengendalikan operasi perniagaan berbanding melaksanakan perihal rumah tangga (Gray, 2008). Marshall (1999) menyatakan lelaki *copreneurs* bekerja lebih lama selama 40 hingga 51 jam seminggu berbanding wanita, iaitu selama 34 jam seminggu sahaja. Senario ini memperlihatkan lelaki yang mengetuai urusan perniagaan mendorong mereka mendominasi ruang masa di premis perniagaan mereka. Lelaki *copreneurs* berhadapan dengan masa bekerja yang lama dan boleh mengundang konflik kerja dan kehidupan. Hal ini demikian kerana Lewis *et al.* (2003) telah menunjukkan bahawa individu yang menerima jam kerja yang panjang menyumbang konflik kerja-kehidupan. Secara tidak langsung, bebanan masa bekerja terhadap lelaki *copreneurs* telah mengehadkan masa mereka untuk bersama dengan keluarga dan anak-anak.

Walhal, wanita *copreneurs* bertindak sebagai ‘pembantu kedua’ dalam mengendalikan operasi perniagaan mereka. Perkara ini dibuktikan oleh Danes dan Olson (2002) bahawa wanita *copreneurs* pula turut menggunakan masa menguruskan perihal rumah tangga berbanding perniagaan. Norasmah *et al.* (2016) menyokong kajian dan menjelaskan bahawa wanita lebih banyak menggunakan masa bekerja untuk melaksanakan kedua-dua domain. Walaupun wanita mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab kekeluargaan, secara tidak langsung mereka turut menggunakan masa mereka mengurus perniagaan pada masa yang sama. Mereka melihat diri mereka sebagai ibu di rumah dan pekerja di premis perniagaan.

Hasil kajian Kim dan Ling (2001) di Singapura mendapati usahawan wanita yang melibatkan diri dalam perniagaan bersama pasangan lebih menumpukan tuntutan domain kehidupan, termasuklah perihal rumah tangga dan kekeluargaan. Hal ini mengundang konflik kerja dan kehidupan

yang menjadi penghalang utama untuk turut serta dalam dunia perniagaan. Meskipun wanita kurang menggunakan masa mereka di tempat kerja, wanita hakikatnya berhadapan dua peranan berganda iaitu antara tuntutan perniagaan dan kekeluargaan pada masa yang sama. Oleh hal yang demikian, elemen masa bekerja ini jelas mempunyai perkaitan berkenaan isu kerja dan kehidupan (MacInnes, 2005) yang boleh mempengaruhi pekerja. Perbezaan masa bekerja antara wanita dan lelaki *copreneurs* jelas menunjukkan dua dimensi yang berbeza meskipun tujuan perniagaan hakikatnya mencapai fleksibiliti antara domain kerja dan kehidupan.

Teori Compensation

Berbeza dengan kajian sebelum ini, kajian ini mengadaptasi teori *compensation* untuk melihat hubung kait antara domain kerja dan kehidupan. Teori *compensation* dipelopori oleh Lambert (1990) yang menyifatkan teori ini sebagai kedua-dua domain yang saling bertindak balas apabila individu pekerja cuba untuk memenuhi kekurangan dan mencari kepuasan antara domain. Geurts dan Demorouti (2003) turut menjelaskan bahawa teori ini merupakan salah satu cara individu untuk mencari sokongan dalam satu domain untuk memenuhi kekurangan domain lain. Dalam aspek pekerjaan, pekerja lebih ke arah untuk memenuhi keperluan dan kekurangan domain lain untuk memiliki autonomi domain. Dzurizah (2013) menyatakan individu yang tidak terlibat dalam domain kerja akan berusaha untuk mencari penglibatan dan memenuhi kekurangan domain bukan kerja. Proses teori ini berlaku apabila pekerja tidak berpuas hati antara domain kerja dan kehidupan dengan berusaha untuk mencapai dan mencari kepuasan yang mempunyai penglibatan tinggi dalam domain atau ruangan yang lain. Kajian ini akan menggunakan dan mengadaptasi teori *compensation* melalui peranan masa bekerja yang berbeza berkenaan isu kerja dan kehidupan terhadap setiap lelaki dan wanita *copreneurs*. Secara tidak langsung, hal ini sudah pasti mempengaruhi domain kerja dan kehidupan pasangan *copreneurs*, iaitu bagaimana mereka berusaha untuk memenuhi dan melaksanakan kedua domain berkenaan.

Metodologi Kajian

Dapatkan kajian dalam artikel ini disandarkan kepada pendekatan kualitatif yang diperoleh daripada temu bual mendalam ke atas 14 pasangan *copreneurs*,

iaitu tujuh lelaki *copreneurs* dan tujuh wanita *copreneurs* yang menjalankan perniagaan secara bersama di Pulau Mabul, Sabah. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis tematik atas dasar menjaga etika penyelidikan dan kerahsiaan responden. Maka, nama sebenar tidak digunakan sepanjang kajian ini dijalankan.

Jadual 1 Profil responden *copreneurs*

| Pasangan <i>Copreneurs</i> | Umur | Bangsa | Asal | Bilangan Tanggungan Anak (orang) |
|----------------------------|----------|----------------------------|----------------------|----------------------------------|
| A1 B1 | 33 45 | Bajau Bugis | Semporna Semporna | 4 |
| A2 B2 | 42 47 | Tagalog Tagalog | Filipina Filipina | 2 |
| A3 B3 | 31 57 | Bajau Suluk Bajau | Semporna Semporna | 5 |
| A4 B4 | 50 54 | Bajau Kedayan | Filipina Sepitang | 2 |
| A5 B5 | 40 42 | Bajau Suluk Bajau Suluk | Filipina Semporna | 5 |
| A6 B6 | 30 30 | Bajau Bajau | Semporna Semporna | 4 |
| A7 B7 | 50 49 | Bajau Bajau | Semporna Semporna | 4 |

Nota: A: Wanita; B: Lelaki

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menyenaraikan peranan masa bekerja lelaki terhadap perniagaan dan rumah tangga, masa bekerja wanita terhadap perniagaan dan rumah tangga yang diperoleh melalui kaedah kualitatif.

Masa Bekerja Lelaki *Copreneur* terhadap Perniagaan

Malah, lelaki *copreneur* lebih mengakui bahawa masa bekerja perniagaan dan keluarga lebih dikendalikan oleh pasangan mereka. Perkara ini dapat dilihat menerusi respons yang diberikan oleh lelaki *copreneur* Encik B1 yang telah menjalankan perniagaan restoran selama lebih sepuluh tahun. Apabila ditanya berkenaan tugas yang dilakukan di premis perniagaan ini, beliau berkata:

“Bekerja lebih masa memang perlu untuk kita bekerja lebih... tapi kadang-kadang lah sebab ikut pelanggan lah... kalau masih banyak pelanggan lagi kami tunggu sahaja... setiap malam saya kerja sebagai sekuriti di Resort Smart tu tapi tidaklah sibuk sangat sebab ada masa saya pergi meninjau keadaan restoran.”

Seterusnya, Encik B4 yang mengusahakan dua buah perniagaan pula menyatakan bahawa pasangannya bekerja lebih masa daripada beliau sendiri. Sekiranya tidak sibuk dan tidak bekerja, maka responden akan membantu pasangannya mengurus perniagaan mereka. Beliau menyatakan;

“Isteri saya yang urus dan jaga restoran ini... kalau kedai runcit saya yang jaga lah... tapi memang isteri yang bekerja sampai lewat malam... tapi apabila saya habis balik kerja saya bantu di dapur restoran sebagai tukang masak... kalau siang saya kerja sebagai mekanik di resort ini... bila saya cuti dan waktunya malam saya bantu isteri mengurus perniagaan.”

Komitmen terhadap perniagaan bersama pasangan tetap diusahakan walaupun mempunyai pekerjaan lain. Lelaki *copreneurs* banyak menggunakan masa bekerja mereka untuk mengendalikan kedua domain berkenaan dan mengatur kedua-dua domain mengikut keperluan dan kelapangan masa mereka.

Masa Bekerja Lelaki *Copreneurs* terhadap Perihal Rumah Tangga

Lelaki *copreneurs* menyifatkan hal rumah tangga banyak dilakukan oleh pasangan mereka kerana kurangnya penglibatan lelaki menggunakan masa mereka melakukan kerja rumah tangga. Sebaliknya, lelaki *copreneurs* lebih mengakui bahawa masa terhadap perihal rumah tangga adalah terbatas dan hanya dilakukan apabila tidak sibuk serta mempunyai masa senggang. Berikut merupakan kenyataan daripada Encik B2.

“Kadang-kadang saya cuci kain... sama-sama juga buat kerja rumah tapi biasanya isteri banyak buat kerja rumah... kalau saya tidak sibuk saya bantu... sama-sama juga buat kerja rumah.”

Kenyataan Encik B2 ini disokong oleh Encik B5 dan B6 yang turut menyatakan masa mereka terhadap perihal rumah tangga amat terhad berbanding wanita kerana hanya menumpukan pekerjaan lain yang perlu dilaksanakan sebagaimana kenyataan yang berikut:

“Masa bekerja saya lebih banyak buat kerja sebagai tukang kayu untuk urus kedai ini dan urusan rumah kebanyakan dilakukan oleh isteri.”

“Kalau saya kerja memang isteri lah yang banyak jaga kedai... tapi kalau saya cuti, sayalah yang paling banyak jaga kedai... kena tengok keadaan macam mana kan... sebab saya ada kerja sampingan sebagai penyelam jadi masa kerja saya tidak tentu... kalau saya balik awal saya bantu isteri.”

Lelaki *copreneurs* juga turut membantu menguruskan perihal rumah tangga namun tidak mendominasinya dan menganggap tanggungjawab rumah tangga cenderung diuruskan oleh pasangan mereka. Beliau juga turut membantu apabila mempunyai masa lapang dan tidak bekerja pada masa itu. Masa menguruskan perihal rumah tangga adalah terbatas dan mengakui bahawa beliau tidak sepenuhnya berupaya mengendalikan tuntutan berkenaan aktiviti rumah tangga.

Masa Bekerja Wanita *Copreneur* terhadap Perniagaan

Kajian ini menemukan bahawa wanita *copreneurs* mendominasi dan mempunyai masa bekerja lama terhadap pengurusan perniagaan di premis perniagaan. Hal ini dapat dilihat menerusi respons Puan A1 yang telah menjalankan perniagaan restoran selama sepuluh tahun.

“Sayalah paling lama bekerja sebab dari awal pagi hingga lewat malam menjaga kedai. Pada waktu pagi saya bermasak sudah untuk menu jualan di restoran dan menyedia bahan masakan... kalau malam saya mengemas dapur.”

Kenyataan daripada responden Puan A2 dan Puan A3 pula yang mengusahakan perniagaan peruncitan bahawa beliau juga bekerja lebih masa tanpa mengira waktu berniaga. Berikut merupakan kenyataan responden:

“Setiap hari memang saya berdepan masa kerja lama iaitu waktu pagi jam 6 pagi sehingga jam 9 atau 10 malam... masa kerja di kedai ini memang tidak tentu.”

“Saya bekerja lebih masa. Buka kedai pada waktu pagi sehingga malam... biasanya waktu bekerja di kedai ini bergantung kedatangan pelanggan.”

Wanita *copreneurs* membuka perniagaan mereka lazimnya antara sepuluh hingga 12 jam sehari. Namun, masa bekerja wanita *copreneurs* turut banyak dihabiskan untuk menguruskan perihal rumah tangga. Malahan, waktu operasi perniagaan adalah bergantung pada jumlah pelanggan pada masa itu. Senario ini menemukan wanita *copreneurs* lebih banyak meluangkan masa mereka di premis perniagaan.

Masa Bekerja Wanita *Copreneur* terhadap Perihal Rumah Tangga

Wanita *copreneurs* lebih banyak menggunakan masa mereka terhadap urusan rumah tangga dan pada masa yang sama turut meluangkan masa mereka terhadap urusan perniagaan. Penemuan kajian melihat wanita *copreneurs* banyak menggunakan masa mereka terhadap kedua-dua domain yang melihat diri mereka sebagai ibu, isteri dan pekerja pada masa yang sama. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan Puan A1:

“Masa kerja kedai ini bermula pada waktu pagi kalau sudah selesai sarapan, biasanya pelanggan akan datanglah... jam 10 pagi pula saya masak untuk sekeluarga. Masa saya berganti-ganti urus keluarga kemudian menjaga kedai juga.”

Responden Puan A5 turut menyatakan perkara yang sama apabila masa bekerja beliau turut digunakan untuk urusan rumah tangga dan mengurus perniagaan mereka sekali gus. Beliau juga menyatakan yang suami mereka turut membantu. Berikut merupakan kenyataan responden.

“Sayalah lebih berperanan mengurus rumah tangga... suami kadang-kadang bantu tolong jaga kedai... biasanya urus rumah memasak, mengemas pada waktu malam.”

Kesimpulannya, wanita *copreneurs* juga banyak menggunakan masa bekerja mereka di samping mengurus perniagaan, perihal rumah tangga turut menjadi keutamaan mereka. Mereka melihat diri sebagai pekerja di kedai, seorang isteri dan ibu dalam sesbuah isi rumah. Pelaksanaan kedua domain ini mendorong mereka untuk saling berganti menunaikan tanggungjawab kedua domain sekali gus.

Persekutaran Perniagaan dan Sokongan Peranan

Persekutaran perniagaan komuniti *copreneurs* di Pulau Mabul menemui perniagaan daripada rumah (*home based business*). Jenis perniagaan mereka melibatkan perniagaan dalam rumah yang menjadi rumah mereka separuh bahagian untuk kedai dan sebahagian lagi untuk ruang tamu bagi satu isi rumah. Perkara ini dinyatakan oleh Puan A1 dan Puan A5.

“Rumah kami ini berdekatan saja dengan kedai. Warung makan cuma berdepan rumah dan kedai runcit dalam rumah terletak di ruangan dapur.”

“Halaman rumah kami memang dijadikan restoran dan kedai runcit. Jadi, apabila saya mengurus urusan perniagaan pada masa yang sama dekat jarak untuk saya urus perihal rumah tangga juga.”

Di samping mempunyai persekitaran ruang fizikal perniagaan daripada rumah, dapatkan kajian turut menemukan terdapat sokongan peranan daripada pasangan melakukan kedua domain. Jenis perniagaan *copreneurs* bersifat saling membantu sesama pasangan apabila mempunyai ruang membantu untuk saling mengisi masa kedua domain. Hal ini dapat dilihat melalui responden Puan A2.

“Kalau saya sibuk mengurus rumah, suami datang bantu jaga kedai... kadang apabila suami saya berada di luar kedai saya pula akan bantu menjaga kedai.”

Kenyataan Puan A2 turut disokong oleh Puan A5 yang mana perniagaan mereka berdekatan dengan rumah mereka untuk mengendalikan kedua-dua domain berkenaan.

“Kedai tidak jauh dekat juga dengan rumah. Senanglah sekejap mengurus anak dan kedai. Tidak juga sibuk mana.”

Persekutaran perniagaan dan sokongan peranan daripada pasangan sangat diperlukan agar tanggungjawab terhadap perniagaan dan rumah tangga dapat diuruskan dengan teratur.

Perbincangan

Kajian telah menemukan wanita *copreneurs* mendominasi penggunaan masa mereka terhadap domain kerja dan kehidupan berbanding lelaki *copreneurs*. Dapatkan kajian ini menunjukkan perbezaan daripada kajian lepas yang mendapati bahawa lelaki *copreneurs* mendominasi pengurusan perniagaan mereka dan terhad terhadap tuntutan perihal kekeluargaan (Smith, 2000, Millman & Martin, 2007; Blenkinsopp & Owens, 2010). Walaupun berbeza senario dan konteksnya, kajian ini menemukan wanita *copreneurs* lebih banyak menggunakan masa mereka untuk mengurus perniagaan dan rumah tangga berbanding lelaki yang hanya menggunakan masa terhadap hal pekerjaan. Lelaki *copreneurs* diibaratkan menjadi ‘pembantu kedua’ dalam melaksanakan urusan perihal rumah tangga walaupun menganggap diri mereka sebagai ‘ketua rumah’ dalam isi rumah. Hal ini demikian kerana lelaki *copreneurs* di Pulau Mabul banyak meluangkan masa mereka terhadap dwipekerjaan, iaitu perniagaan dan pekerjaan sampingan. Lelaki *copreneurs* memiliki dua pekerjaan yang berbeza, iaitu menguruskan perniagaan sendiri dan pekerjaan lain misalnya tukang kayu dan mekanik yang menyebabkan masa mereka untuk menguruskan hal berkenaan rumah tangga menjadi amat terhad. Secara tidak langsung, wanita *copreneurs* cenderung banyak menggunakan masa mereka untuk menguruskan hal rumah tangga dan perniagaan sekali gus. Hasil kajian ini selari dengan Baetens (2008) dan Kim dan Ling (2001) yang turut menemukan wanita *copreneurs* mendominasi perniagaan dan rumah tangga sekali gus. Senario ini menunjukkan bahawa wanita *copreneurs* dalam dunia pekerjaan mendorong mereka memiliki peranan berganda, bukan sahaja menjadi pelengkap tetapi sebagai penentu usaha untuk kelangsungan kehidupan mereka. Meskipun peranan lelaki terbatas dalam mengurus internal rumah tangga, mereka turut melaksanakan dua peranan berganda terhadap kedua-dua domain.

Memandangkan masa bekerja terhadap perniagaan *copreneurs* menunjukkan masa bekerja yang fleksibel atau tidak menentu, secara tidak langsung *copreneurs* berhak menentukan waktu perniagaan mereka atas budi bicara *copreneurs* tersendiri. Hasil kajian ini selari dengan Kelliher dan Anderson (2010) yang menyatakan bahawa pekerja yang mempunyai masa bekerja fleksibel memberi satu kepuasan terhadap kerja dan kehidupan pekerja, sekali gus meningkatkan komitmen pekerjaan. Tambahan lagi, Pleck

et al. (1980) menyatakan masa bekerja yang fleksibel dalam perniagaan keluarga berupaya membantu mengurangkan konflik masa kerja dan kehidupan. Walaupun perniagaan *copreneurs* dibuka sepenuh masa, tetapi waktu bekerja tidak menentu, mengikut kehendak dan kedatangan pelanggan. Justeru, situasi ini membantu dan memberi ruang *copreneurs* menunaikan tuntutan untuk kedua-dua domain berkenaan.

Masa bekerja lelaki *copreneurs* lebih menumpukan terhadap domain kerja, iaitu perniagaan keluarga dan pekerjaan lain apabila lelaki tidak dapat memenuhi kehendak untuk menguruskan domain kehidupan berkenaan perihal rumah tangga. Dapatkan kajian ini diadaptasikan daripada Teori *Compensation* ke atas *copreneurs* yang mana lelaki *copreneurs* mempunyai penglibatan tinggi dalam domain kerja apabila terhad dalam melaksanakan domain kehidupan lain. Penglibatan tinggi terhadap domain kerja menjadi tumpuan bagi responden lelaki *copreneurs* apabila tidak berpuas hati dalam memenuhi domain kehidupan yang melibatkan hal bukan kerja. Hal ini berbeza dengan wanita *copreneurs* yang berusaha mencari sokongan untuk melaksanakan domain perniagaan kemudian memberi tumpuan mempunyai penglibatan yang tinggi terhadap perihal rumah tangga. Dapatkan kajian *copreneurs* yang bertindak untuk memenuhi dan mencapai kepuasan antara salah satu domain yang selari dengan Geurts dan Demorouti (2003) yang menjelaskan individu berusaha mencari sokongan untuk memenuhi keperluan domain lain. Dalam urusan perniagaan, wanita *copreneurs* turut mendominasi perniagaan mereka walhal pasangan menggunakan masa mereka terhadap domain kerja lain. Di samping itu, sekiranya wanita *copreneurs* melaksanakan aktiviti hal rumah tangga mereka, maka segala tugas perniagaan pula dibantu oleh pasangannya. Senario ini memperlihatkan sokongan peranan yang jelas daripada pasangan *copreneurs* di Pulau Mabul yang bertindak ‘saling mengisi’ dan membantu antara satu sama lain untuk memenuhi domain lain akibat tidak berpuas hati daripada pelaksanaan domain lain. Dapatkan kajian ini juga selari iaitu wujud sokongan peranan daripada pasangan yang membantu meringankan beban kedua domain (Myungweon *et al.*, 2012). Sokongan peranan membantu pasangan mencapai hubungan pekerjaan dan hubungan kekeluargaan yang harmoni.

Kajian turut menemukan persekitaran ruang fizikal perniagaan *copreneurship* di Pulau Mabul, iaitu jenis perniagaan daripada rumah (*home based business*) yang membantu *copreneurs* mengurus kedua-dua

domain dalam jarak yang dekat dan masa yang fleksibel. Di samping berhadapan dengan kesibukan operasi di premis perniagaan mereka, jarak rumah dan tempat berniaga yang hampir secara tidak langsung meringankan beban terhadap tanggungjawab perihal rumah tangga mereka. Hal ini mendorong lelaki dan wanita *copreneurs* saling membantu dengan berupaya meminimumkan konflik kerja-kehidupan. Secara tidak langsung, dengan adanya persekitaran perniagaan terletak dalam atau di luar rumah dan sokongan peranan cenderung mewujudkan integrasi kerja-kehidupan yang menjadi penemuan terhadap isu kerja dan kehidupan ini dalam kalangan *copreneurs*. Walaupun berdepan dengan masa bekerja yang lama, *copreneurs* mempunyai kawalan masa bekerja mengikut aturan dan acuan perniagaan mereka sendiri. Secara tidak langsung, pasangan *coperneurs* di Pulau Mabul dilihat memiliki kebebasan untuk membuat penentuan masa bekerja mereka yang memudahkan *copreneurs* melaksanakan tanggungjawab perihal kekeluargaan dan rumah tangga. Fenomena isu kerja dan kehidupan *copreneurs* di Pulau Mabul memperlihatkan bahawa *copreneurs* berupaya mewujudkan amalan mengintegrasikan antara kedua domain dan meminimumkan konflik kerja-kehidupan.

Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti isu kerja dan kehidupan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang demografi dan perniagaan dalam konteks luar bandar di Pulau Mabul, Sabah. Penglibatan *copreneurs* dalam kajian ini telah memberi pendedahan tentang kewujudan, isu, hubungan pekerjaan terhadap isu kerja dan kehidupan. Wujud integrasi kerja dan kehidupan walaupun terdapat perbezaan peranan masa bekerja yang lebih didominasi oleh wanita *copreneur* dan lelaki *copreneur*. Hal ini turut membantu *copreneur* menjalankan perniagaan bersama-sama. Usaha ini membantu pekerja dalam perniagaan keluarga yang dikelilingi lingkaran hubungan pekerjaan dan hubungan peribadi agar dapat memajukan diri dalam kerjaya dengan meminimumkan konflik terhadap amalan pengurusan kerja dan kehidupan mereka. Secara tidak langsung, kajian ini memberi implikasi penting kepada pasangan suami isteri yang menjalankan perniagaan bersama, malah diakui amat besar dalam meningkatkan tahap sosioekonomi keluarga. Walaupun skop kajian adalah kecil iaitu dengan mengambil 14 pasangan *copreneurs*, data yang diperoleh boleh dijadikan garis panduan bagi kajian *copreneurship* pada masa akan

datang. Memandangkan isu pengurusan kerja dan kehidupan tidak banyak dibincangkan di Malaysia, maka kajian ini telah dapat merintis hubungan pekerjaan *copreneurship* dalam konteks luar bandar di Pulau Mabul, Sabah.

Penghargaan

Setinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas pembiayaan Geran Penyelidikan UMSGreat GUG0082-SS-2/2016.

Rujukan

- Ahmad, R., Naquiah, S., & Yan, S. Y. (2015). Membentuk profil dan memahami persepsi copreneurship di Johor Bahru, Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*.
- Allen, T. D. (2013). The work-family role interface: A synthesis of research from industrial and organizational psychology. *Handbook of Psychology*, 698–718.
- Barnett, F., & Barnett, S. (1989). Entrepreneurial couples. *The Futurist*, 23 (3).
- Beehr, T.A., Drexler, J.A. & Faulkner, S. (1997). *Working in small family businesses: Empirical comparisons*.
- Blenkinsopp, J., & G. Owens. (2010). At the heart of things: The role of the married couple in entrepreneurship and family business. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour and Research*, 16 (5), 357–369.
- Blunsdon, B., Blyton, P., Reed, K., & Dastmalchian, A. (2006). Introduction: Work, life and the work-life issue. In Blyton, P., Blunsdon, B., Reed, K. & Dastmalchian, A. (Eds.). *Work-life Integration. International Perspectives on the Balancing of Multiple Roles*, 1–16. Hampshire; New York: Palgrave Macmillan.
- Blyton, O., & A. Dastmalchian. (2006). Work-life integration and the changing contact of work. In Blyton, P., K. Reed & A. Dastmalchian (Eds.). *Work-Life Integration: International Perspectives on the Balancing Multiple Roles*, 17–27. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Bohdan, J. (1998). Partners in more ways than one. *Kiplinger's Personal Finance Magazine*, 52.
- Chell, E., & Baines, S. (1998). Does gender affect business ‘performance’? A study of microbusinesses in business services in the UK. *Entrepreneurship and Regional Development*, 117–135.
- Cox, J. A., Moore, K. K., & Van Auken, P. M. (1984). Working couples in small business. *Journal of Small Business Management*, 22 (4), 24–30.
- Danes, S. M., & Olson, P. D. (2003). Women’s role involvement in family businesses, business tension and business success. *Family Business Review*, 53–68.
- Dzurizah Ibrahim. (2013). An analysis of work and non-work patterns in Malaysian public sector workplaces. A multi-level approach.

- Dzurizah Ibrahim. (2015a). An overview of the state influences on workers work-life integration in Malaysia. *IJASOS. Intl. E. J. Adv. Soc. Sci.*, 1, 163–173.
- Epstein, C. F. (1971). Law partners and marital partners. *Human Relations*, 549–564.
- Fitzgerald, M., & Muske, G. (2002). Copreneur: An exploration and comparison to other family. *Family Business Review*, 15 (1), 1–15.
- Frone, M.R., Russell, M., & Cooper, M. L. (1992). Antecedents and outcomes of work-family conflict: Testing a model of the work-family interface. *Journal of Applied Psychology*, 65–78.
- Geurts, S. A. E., & Demerouti, E. (2003). Work/non-work interface: A review of theories and findings. *Handbook Work and Health Psychology*. Chichester: Wiley.
- Goode, W. J. (1960). A theory of role strain. *American Sociological Review*, 483–496.
- Grady & McCarthy. (2008). Work-life integration: Experience of mid-career professional working mothera. *Journal of Managerial Psychology*.
- Granfield, M. (1993). Till debt do us part. *Working Woman*, 33–35.
- Greenhaus, G. H., & Allen, T. D. (2010). Work-family balance: A review and extension of the literature. *Handbook of Occupational Health Psychology*. Washington: DC.
- Greenhaus, J. H., Collins, K. M., Singh, R., & Parasuraman, S. (1997). Work and family influences on departure from public accounting. *Journal of Vocational Behavior*, 249–270.
- Hall, A., Nordqvist, M. & Melin, L. (2005). *Qualitative Research in Family Business Studies: The Usefulness of The Interpretative Approach*. Paper presented at the FNB-ifera World Academic Research Forum, EHSAL, Brussels.
- Hollander, B. S., & Elman, N. S. (1988). Family-owned business: An emerging field of inquiry. *Family Business Review*.
- Jill, R. Helmle, Isabel, C. Botera & David, R. Seibold. (2014). Factors that influence perceptions of work-life balance in owners of copreneurial firms. *Journal of Family Business Management*, 110–132.
- Karofsky, P., Millen, R., Yilmaz, M., Smyrnios, K. X., Tanewski, G. A., & Romano, C. A. (2001). Work-family conflict and emotional well-being in American family businesses. *Family Business Review*, 313–324.
- Katrien Baetens. (2008). Copreneurial family businesses in Brussels. *Determinants of Performance in the Family and in the Business*.
- Kim, J. L. S. & Ling, C. S. (2001). Work-family conflict of women entrepreneurs in Singapore. *Women in Management Review*, 16, 204–221.
- Lambert, S., J. (1990). Process linking work and family: A critical review and research agenda. *Human Relations*, 402 (3).
- Lewis, S., & Rapoport, R., & Gambles, R. (2003). Reflections on the integration of paid work and the rest of life. *Journal of Managerial Psychology*.
- MacInnes, J. (2008). Work-life balance and the demand for reduction in working hours. *Evidence from the British Social Attitudes Survey*, 2002.

- Marshack, K. J. (1993). Coentrepreneurial couples: A literature review on boundaries and transitions among copreneurs. *Family Business Review*. CA, USA: Josey-Bass Publishers.
- Marshack, K. J. (1994). Copreneur and dual-career couples: Are they different? *Entrepreneurship: Theory and Practice*, 46–69.
- Marshack, K. J. (1998). *Entrepreneurial Couples*. Palo Alto, CA: Daries-Black Publishing.
- Marshall, J. (1995). *Women managers moving on*. London: Routledge.
- Millman, C., & Martin, L.M. (2007). Exploring small copreneurial food companies, female leadership perspectives. *Women in Management Review*, 22 (3), 232–239.
- Myungweon Choi *et al.* (2012). Work-family enrichment in Korea: Construct validation and status. *Journal of Leadership and Organizational Development*.
- Ponthieu, L., & Caudill, H. (1993). Who's the boss? Responsibility and decision making in copreneurial ventures. *Family Business Review*, 6 (1), 3–17.
- Rothausen, T. J. (2009). Management work-family research and work-family fit: Implications for building family capital in family business. *Family Business Review*, 220–234.
- Rutherford, M. W., Muse, L. A., & Oswald, S. L. (2006). A new perspective on the developmental model for family business. *Family Business Review*, 19 (4), 317–333.
- Smith, C. R. (2000). Managing work and family in small copreneurial business: An Australian study. *Women in Management Review*.
- Smyrnios, K. X., Romano, C. A., Tanewski, G. A., Karofsky, P. I., Millen, R. & Yilmaz, M. R. (2003). *Work-family conflict: A study of American*.
- Stroh, L.K., Brett, J.M. & Reilly, A.H. (1996). Family structure, glass ceiling and traditional explanations for the differential rate of turnover of female and male managers. *Journal of Vocational Behavior*, 99–118.
- Tompson, G. H., & H. B. Tompson. (2000). *Determinants of successful co-prenuership*. Brisbane, Australia: ICSB World Conference.